

PERCAMPURAN KOD DALAM PENULISAN KARANGAN BAHASA MELAYU PELAJAR CINA: ANALISIS PRAGMATIK

(Code-Mixing in Malay Composition-Writing Among Chinese Pupils: A Pragmatic Analysis)

Nor Hashimah Jalaluddin
shima@ukm.edu.my

Adriana Santa Anak Tinggom
adrianasanta0126@gmail.com

Institut Alam dan Tamadun Melayu,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abstrak

Kajian ini berkaitan dengan penukaran kod dalam karangan Bahasa Melayu pelajar Cina dari aspek pragmatik. Kajian ini melihat dua aspek, iaitu mengenal pasti kesalahan bahasa Melayu dalam karangan pelajar Cina, menganalisis data kesalahan dan menghuraikan aspek percampuran kod bagi menyampaikan mesej pelajar dari perspektif pragmatik dengan menggunakan konsep rangka rujuk silang. Kajian telah dilakukan di sebuah pusat tuisyen pelajar Cina. Seramai 80 orang pelajar terlibat dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati bahawa antara kesalahan yang sering kali dilakukan oleh pelajar Cina dalam penulisan karangan Bahasa Melayu ialah kekeliruan penggunaan imbuhan, kesalahan kosa kata, kesalahan penggunaan kata ganti nama diri dan juga kesalahan umum seperti penggunaan singkatan dalam ayat dan kesalahan penggunaan kata sendi nama. Dari aspek percampuran kod pula, konsep rangka rujuk silang telah digunakan untuk memahami mesej yang disampaikan oleh pelajar. Analisis percampuran kod ini dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu penukaran kod selain kata nama dan kedua ialah kata nama. Hasil kajian mendapati bahawa, walaupun mengalami penukaran

kod, yaitu L1(bahasa Cina) dan juga L3 (bahasa Inggris) dalam satu konstruksi ayat, mesej dapat difahami dengan bantuan konsep rangka rujuk silang.

Kata kunci: percampuran kod, pelajar Cina, kerangka teoretis, pragmatik, rangka rujuk silang.

Abstract

This research studies the pragmatics aspect of code-mixing in Malay language composition among the Chinese pupils. The study focuses on two aspects i.e identifying errors in the Chinese pupils' compositions, analysing these errors and finally explaining the aspects of code-mixing in order to understand the pupils' message from the pragmatics perspective, using bridging cross reference analysis. This study was carried out at one tuition center attended by Chinese pupils. A total of 80 pupils were involved in this study. The findings show that the most common errors in Malay language composition-writing are confusion in using affixes, wrong choice of words, using the improper form of personal pronouns, besides common errors such as using abbreviation and incorrect conjunctions. Concerning code-mixing, bridging cross reference was used in order to comprehend the message intended by the pupils. The analysis for code-mixing is divided into two parts: code-mixing for nouns, and for other words (other than nouns). Interestingly, the findings show that even though code-mixing occurred from L1 (Mandarin) and also L3 (English) in a Malay sentence construction, the message can be comprehended using bridging cross reference.

Keywords: code-mixing, Chinese pupils, theoretical framework, pragmatics, bridging cross-reference

PENGENALAN

Manusia berkomunikasi dengan menggunakan bahasa. Sebagai alat komunikasi, bahasa dan pengajian terhadapnya tidak dapat dipisahkan daripada masyarakat penuturnya. Konsep bahasa itu tidak terbatas hanya kepada unsur bahasa yang melibatkan sistem linguistik semata-mata. Sebaliknya bahasa serta hubungannya dengan masyarakat penuturnya merupakan perkara yang perlu diberikan tumpuan. Bahasa dikenali

sebagai suatu pancaran pengalaman dan fikiran manusia selain menjadi media untuk manusia berkomunikasi dan berinteraksi. Pengalaman tersebut dilambangkan melalui pertuturan untuk tujuan difahami oleh si pendengarnya. Ada waktunya kegiatan pertuturan tersebut dilakukan dengan menggunakan lebih daripada satu kod, dan dalam keadaan demikian ragam pertuturan tersebut menjadi ragam percampuran kod (*code-mixing*) (<http://www.slideshare.net/fatimagul102/code-mixing-and-code-switching?> Dipetik 20 April 2016]. Muysken [www.cambridge.org dipetik 24 April 2016] juga menegaskan bahawa mana-mana penggunaan lebih daripada satu bahasa daripada satu rantai ayat dikenali sebagai percampuran kod (*code mixing*) tetapi konsep ini selalu bertukar ganti dengan pertukaran kod (*code switching*). Percampuran kod berbeza daripada penukaran kod (*code switching*). Dalam kajian ini pelajar bukan Melayu sering mencampurkan-adukkan lebih daripada satu bahasa dalam satu rantaian ayat. Berbeza daripada penukaran kod apabila penukaran berlaku pada ayat yang berbeza. Seseorang boleh menggunakan ayat penuh dalam bahasa Melayu kemudian menggunakan bahasa lain dalam ayat kedua. Salah satu faktor berlakunya percampuran dan penukaran kod adalah kerana penutur menguasai lebih daripada satu bahasa. Kajian ini meneliti percampuran kod yang berlaku dalam karangan Bahasa Melayu (BM) pelajar Cina dari aspek analisis pragmatik. Kajian ini meneliti cara pelajar Cina menyampaikan makna atau mesej dengan menggunakan percampuran kod tetapi masih berjaya difahami oleh pendengar. Di sini, analisis pragmatik digunakan khususnya rangka rujuk silang (*bridging cross reference*) yang diperkenalkan melalui teori pragmatik.

PERCAMPURAN DAN PENUKARAN KOD

Fenomena penukaran dan percampuran kod telah berlaku secara berleluasa di seluruh dunia. Malah kedua-dua konsep ini digunakan secara bertukar ganti tanpa memberikan garis pemisah antara kedua-duanya. Fenomena ini juga sudah tidak asing lagi bagi negara kita, Malaysia. Istilah seperti *Singlish*, *Manglish*, *Honglish* sering kali kita dengar apabila isu bahasa diutarakan. Dalam konteks masyarakat Malaysia yang kebanyakannya menguasai sekurang-kurangnya dua bahasa atau lebih (bilingual dan multilingual), mereka pasti mempunyai kecenderungan untuk mencampurkan kod semasa berkomunikasi. Fenomena ini terjadi apabila mereka menggantikan perkataan atau frasa daripada bahasa yang sedang dituturkan atau ditulis dengan perkataan atau frasa daripada bahasa lain.

Pelbagai kajian telah dilakukan untuk mengkaji fenomena percampuran kod ini. Kajian ini dibahagikan kepada tiga kelompok, iaitu kajian nahu, sosiolinguistik, dan pragmatik.

Terdapat beberapa kajian yang dilakukan oleh para pengkaji yang terdahulu tentang penukaran dan percampuran kod yang mengkaji aspek nahu. Kajian yang dilakukan oleh Suthanthiradevi (2003) dan Hazlina (2012) merupakan penelitian terhadap penukaran kod dari aspek nahu. Kajian Suthnthiradevi (2003) bertujuan melihat jenis strategi komunikasi yang digunakan oleh pelajar India semasa bertutur dalam BM, kekerapan penggunaan strategi komunikasi pelajar India bertutur dalam BM dengan dipengaruhi oleh bahasa ibunda, melihat strategi komunikasi yang paling berkesan dan memahami kelemahan pelajar India dalam pertuturan BM. Hasil kajian menunjukkan bahawa strategi berdasarkan bahasa ibunda paling kerap digunakan. Selain itu, kajian ini juga menunjukkan bahawa responden menghuraikan makna, dan yang lain memilih untuk menstrukturkan semula ayat.

Kajian Hazlina (2012) pula mendapati bahawa pelajar Melayu banyak menggunakan percampuran kod ke BM jika dibandingkan ke BI dalam penulisan bahasa Perancis mereka. Selain itu, kajian ini menggunakan strategi percampuran kod sebagai penunjang, penghubung dan pengganti perkataan dan frasa yang tidak boleh diterjemahkan ke dalam bahasa Perancis. Kajian mendapati strategi percampuran kod yang bersifat penunangan merupakan strategi yang paling banyak digunakan. Percampuran kod juga turut melibatkan kata nama, kata adjektif, kata hubung dan kata ganti nama diri.

Kajian Farid, Ajid dan Ramli (1987), Paramasivam (2009), Mohan *et al.* (2010) juga turut mengkaji penukaran kod namun dari aspek sosiolinguistik. Kajian Farid *et al.* (1987) yang mengkaji penukaran kod dan refleksi sosial masyarakat Melayu di Kubang Pasu, Kedah menunjukkan bahawa dalam konteks sesebuah masyarakat yang berdwi-bahasa, yang bahasa ibunda tidak secara automatik atau semestinya menjadi bahasa utama, selalu akan berlaku pertukaran kod. Kajian ini juga menunjukkan bahawa fenomena penukaran kod lebih sering berlaku dalam kalangan penutur dalam lingkungan umur 20-39 tahun, iaitu penutur yang peratus memahami kedua-dua bahasa Melayu dan Sam-Sam Siam adalah tinggi.

Kajian yang dilakukan oleh Paramasivam (2009) juga turut meneliti aspek sosiolinguistik dalam penukaran kod. Paramasivam membicarakan fungsi komunikasi dalam penukaran kod dan juga sosiolinguistik, budaya

dan sebab-sebab pedagogi dalam penukaran kod dalam konteks Malaysia. Data kajian diperoleh daripada penutur Tamil yang menuntut di universiti yang melanjutkan pelajaran dalam pengajian ijazah sarjana muda di UPM. Data dikumpul ketika mahasiswa mahupun mahasiswi berinteraksi dalam domain yang berbeza seperti di bilik kuliah, kampus, keluarga, pasar dan jiran. Dalam semua domain yang disebutkan, para pelajar ini berinteraksi dengan penutur Melayu dan juga penutur Cina selain dengan penutur Tamil itu. Kajian ini mendapati bahawa terdapat beberapa sebab penukaran kod berlaku dalam kalangan penutur Tamil di UPM. Antara sebab penukaran kod termasuklah tabiat kebiasaan, iaitu dalam pemilihan bahasa dan leksikal, serta pembentukan leksikal dan juga struktur tatabahasa yang bergantung pada persekitaran sosiolinguistik. Kekurangan istilah terhadap sesuatu isu yang diutarakan juga merupakan salah satu sebab penukaran kod berlaku.

Kajian seterusnya yang melihat aspek sosiolinguistik ialah kajian yang dilakukan oleh Mohan *et al.* (2010) yang bertajuk “Sociolinguistic Competence and Malaysian Students’ English Language Proficiency”. Kajian yang dilakukan oleh Mohan dan teman-temannya ini berpusat pada kecekapan sosiolinguistik dan kemahiran berbahasa Inggeris dalam kalangan pelajar Malaysia. Dalam kajian yang dilakukan ini, Mohan dan rakan-rakannya telah menjelaskan makna kecekapan sosiolinguistik dan pemahaman tentang konteks sosial dalam bahasa Inggeris.

Di samping itu, Mohan dan rakan-rakannya juga telah menjelaskan fenomena bahasa Inggeris yang digunakan di negara Malaysia dengan menyentuh sensitiviti yang berkaitan dengan dialek atau kepelbagaian dialek. Menurut Mohan *et. al* (2010), terdapat perbezaan dalam kepelbagaian bahasa Inggeris yang digunakan di Malaysia. Perbezaan ini terjadi kerana terdapat faktor tradisi yang kuat dalam pengajaran bahasa Inggeris sejak umur masih muda. Selain itu, pengaruh bahasa yang dituturkan di rumah dan juga faktor daripada pengaruh media yang kini terkenal dengan penggunaan *Manglish* juga menyebabkan pelajar Malaysia kurang terdedah kepada bahasa Inggeris yang standard. Penelitian mereka turut merangkumi aspek kesedaran perbezaan bahasa di dalam kelas.

Nor Hashimah (2013) mengkaji percampuran kod dari aspek pragmatik. Kajian yang bertajuk “Manglish dalam Konstruksi Kreatif Karangan Pelajar: Analisis Pragmatik” tidak membincangkan masalah tatabahasa tetapi menjelaskan kekreatifan pelajar untuk menyelesaikan masalah kelemahan perbendaharaan BI mereka dengan melakukan

percampuran kod. Kemudian, kajian ini menggunakan rangka rujuk silang (RRS) untuk memberikan makna yang sempurna pada ayat tersebut. RRS membantu untuk memahami mesej yang hendak disampaikan terutamanya apabila tidak wujudnya anteseden.

Hasil daripada kajian lepas, didapati masih ada ruang penyelidikan dalam aspek penukaran dan percampuran kod. Oleh itu, dalam kajian ini, penelitian lanjutan yang lebih luas skopnya akan dibuat, iaitu dengan melihat kesalahan umum dalam karangan serta melibatkan tiga bahasa dalam data kajian. Yang membezakan antara kajian ini daripada kajian lepas ialah penelitiannya terhadap percampuran kod dalam karangan BM pelajar Cina. Yang menariknya, karangan pelajar yang dikaji ini melibatkan tiga bahasa dalam penukaran kod, iaitu bahasa Cina (L1) bahasa Melayu (L2) dan bahasa Inggeris (L3). Jika sebelum ini kajian Hazlina dan Suthanthiradevi menyentuh tentang nahu, kajian Farid *et al.*, Paramasivan dan Mohan *et al.* mengenai sosiolinguistik, dan Nor Hashimah yang meneliti kajian pragmatik, kajian ini pula meneliti pragmatik lanjutan daripada kajian lepas bagi mengisi kelompangan dalam kajian percampuran dan penukaran kod ini. Kajian ini juga membuktikan bahawa percampuran dan penukaran kod banyak digunakan dalam kalangan pelajar yang mengetahui lebih daripada satu bahasa.

PERCAMPURAN KOD: FOKUS KAJIAN

Percampuran kod menjadi fokus kajian kerana fenomena ini sering berlaku dalam kalangan masyarakat kita. Hal ini juga berlaku dalam kalangan para pelajar terutamanya pelajar Cina yang selalu melakukan percampuran kod semasa membuat aktiviti penulisan karangan bahasa Melayu. Percampuran kod ini berlaku dalam kalangan pelajar Cina, terutamanya semasa menulis karangan bahasa Melayu, kerana kelemahan mereka, iaitu tidak menguasai kosa kata dalam bahasa Melayu. Sering kali mereka melakukan percampuran kod sama ada dalam bahasa Cina ataupun bahasa Inggeris.

Percampuran kod ini dapat menyingkap makna sebenar yang ingin disampaikan oleh para pelajar. Percampuran kod ini berlaku secara sedar tetapi yang menariknya, percampuran kod ini tidak melanggar rumus sintaksis secara total. Percampuran kod juga menjadi fokus kajian kerana kajian melihat cara pelajar menulis karangan dengan menyelitkan unsur-unsur kreatififan dalam karangan mereka. Penyisipan bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Cina dalam rangkaian ayat merupakan kreativiti

pelajar ini membina konstruksi ayat yang sempurna meskipun melibatkan percampuran kod dalam karangan yang ditulis oleh mereka. Percampuran kod ini masih mampu membantu pembaca memahami makna yang hendak disampaikan.

TEORI RANGKA RUJUK SILANG

Kerangka teori yang akan digunakan dalam kajian ini ialah rangka rujuk silang (RRS). RRS merupakan satu konsep yang diperkenalkan oleh teori relevans dalam ilmu pragmatik. Dengan adanya konsep RRS ini, maka struktur yang mengalami penukaran kod ini dapat menyingkap makna sebenar yang ingin disampaikan oleh pelajar.

Menurut Kempson (1986), RRS ialah sesuatu ujaran yang tidak mempunyai anteseden yang dapat mengaitkan ayat kedua dengan ayat pertama dalam wacana bagi membantu pendengar mentafsir ujaran tersebut. Oleh itu, RRS melibatkan sekurang-kurangnya dua ayat selapis. Premis tambahan boleh membantu menjelaskan lagi maklumat yang hendak disampaikan. Selain itu, premis tambahan juga dapat membentuk konteks dan kesan kognitif. Hal ini selari dengan konsep dalam teori relevans yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1995)

Jika ditinjau dalam kajian lepas, pendekatan RRS ini berupaya menghubungkan maksud yang hendak disampaikan oleh pelajar kepada pembaca meskipun penukaran kod telah digunakan. Nor Hashimah (2014) membuktikan bahawa RRS boleh membawa tafsiran yang lebih baik untuk memahami tatabahasa dan metafora bahasa Melayu. Bagi menangani kekaburan tatabahasa seperti imbuhan *peN-*, Nor Hashimah dan Ahmad (2009) membuktikan bahawa RRS boleh mengkategorikan semula imbuhan *peN-* yang bertindih fungsinya. Begitu juga dengan kajian kata bilangan kardinal (Nor Hashimah, 2008), imbuhan *meN-* (Nurul Huda dan Nor Hashimah, 2012). Dalam menangani percampuran kod dalam karangan pelajar, kajian Nor Hashimah (2013) telah membuktikan bahawa RRS dapat memberikan makna yang sempurna pada ayat dalam kandungan sesuatu karangan dan sekali gus dapat membantu pembaca memahami mesej yang hendak disampaikan terutamanya apabila tidak wujudnya anteseden. Maka, premis tambahan yang membentuk konteks mampu membantu pengkaji mencari maklumat seterusnya. Contoh ayat yang diperoleh daripada kajian yang dilakukan oleh Nor Hashimah adalah seperti yang berikut:

- a. I *menyertai* camping on two day. I at to camping in Tanjung Rambutan. I am very happy to camping. At 4.00pm, I *bertolak balik*.

Berdasarkan contoh data yang diperoleh tersebut, didapati bahawa pelajar sedar bahawa sesuatu konstruksi ayat perlulah mempunyai kata nama dan kata kerja. Yang menarik dengan konstruksi ayat ini ialah, meskipun pelajar gagal menggunakan BI tetapi leksikal BM yang digunakan adalah tepat. Hal ini menunjukkan mereka faham maksud ayat yang hendak ditulis tetapi kerana kelemahan kosa kata BI mereka maka mereka memilih menggunakan leksikal BM. Mereka tetap mahu memastikan ayat yang gramatis diperoleh walaupun terpaksa menggunakan percampuran kod.

Dalam hal ini, RRS memainkan peranan yang penting untuk memastikan bahawa perkataan BM yang dipilih adalah tepat. Dalam RRS, premis tambahan dan maklumat tambahan memainkan peranan yang penting dalam mentafsirkan makna. Pembaca perlu mencari konteks pada ayat tersebut demi memahaminya apatah lagi wujudnya percampuran kod dalam kajian ini. Ayat yang diperoleh ini juga harus ditafsir oleh mereka yang mempunyai pengetahuan BM dan BI sahaja. Terdapat beberapa langkah yang boleh diambil untuk memastikan leksikal yang digunakan adalah tepat.

Langkah pertama adalah dengan mencari maksud harfiah. Contohnya, karangan ini berkaitan dengan perkhemahan. Aktiviti ini merupakan kegiatan biasa dalam kalangan pelajar sekolah. Selalunya, hal-hal seperti tempat perkhemahan yang diadakan di kaki bukit, hutan, tepi sungai akan menjadi leksikal yang selalu digunakan oleh pelajar dalam karangan mereka. Kawasan yang jauh dari sekolah pasti memberikan pengalaman yang baharu kepada pelajar. Aktiviti memasak, mandi-manda, mendirikan khemah memang menjadi kegemaran para pelajar.

Langkah yang kedua ialah pemerhatian terhadap leksikal mereka. Leksikal yang digunakan dalam BM sangat tepat demi menceritakan aktiviti mereka. Hal ini membuktikan bahawa pelajar mempunyai idea yang jelas tentang aktiviti mereka tetapi kelemahan penguasaan perbendaharaan kata dalam bahasa Inggeris telah menjejaskan penulisan mereka dan secara tidak langsung juga markah yang mereka peroleh. Di sini, kreativiti pelajar memilih leksikal bersesuaian serta ditambah dengan analisis RRS dilihat berjaya membawa maksud yang hendak disampaikan.

ANALISIS DATA PENUKARAN DAN PERCAMPURAN KOD

Terdapat lima data yang telah dikenal pasti sebagai data kajian untuk meneliti kesalahan umum yang terdapat dalam penulisan karangan pelajar Cina. Antara tajuk data tersebut termasuklah “Surat Kiriman Tidak Rasmi”, “Aktiviti Perkhemahan”, “Berkelah di Tepi Pantai”, “Hari Sukan Sekolah”, dan “Aktiviti Gotong-royong di Sekolah”. Data tersebut adalah seperti yang berikut:

Data pertama – Surat Kiriman Tidak Rasmi

No 55, Jalan Langat 10,
Taman Sri Langat,
43000 Kajang,
Selangor.

Qin ai de Mary,

Ni hao ma? Wo xi wan ni jui jing hao ba! I am fine here. Semoga keluarga saudara juga fine too. Sudah lama kita tidak berjumpa. Hope that you still remember me.

Tujuan saya menulis surat adalah untuk *invite* saudara untuk datang ke majlis hari jadi saya. Hari jadi saya akan diadakan pada hari Sabtu iaitu *two weeks from now. Are you free* pada masa itu? *Wo xi wan ni neng gou lai celebrate my birthday. I am happy if* awak dapat datang.

Majlis hari jadi saya tahun ini lebih *special because wo de ge ge chong London hui lai qing ju* my birthday celebration. Dia akan bercuti selama tiga minggu di Malaysia *before* balik ke London. Saya berharap saudara Mary dapat *attend* saya punya *birthday*lah. *Okey*, sampai sini sahaja daripada saya. *Send my regards to your family. Hope to see you soon.*

With love

Yong Qing

Data kedua – Aktiviti Perkhemahan

Pada cuti yang lepas, sekolah saya menganjurkan aktiviti *camping* di Sungai Congkak. Kami *chu fa* pada pukul 10 pagi. Kami ke sana dengan menggunakan bas sekolah. Kami sangat *happy* kerana dapat melihat *fong jing* yang cantik. Dua jam selepas itu, kami tiba di *destination* dekat Sg. Congkak.

Ketika sampai di sana, terdapat orang ramai sudah ada di sana. Kami pun mencari sebatang pokok yang rendah. Kami mencari-cari dan akhirnya terjumpa dengan pokok itu. Kami berlari ke sana dan *put the* barang yang kami bawa di bawah pokok yang besar itu. Selepas itu, guru kami membahagikan kami beberapa kumpulan. Setiap kumpulan ada *job* masing-masing. Pertama, kumpulan itu mencari kayu api di hutan, ada yang mendirikan khemah, ada juga yang *cooking* air.

Tidak lama kemudian, kami pun ingin bermandi-mandi di sungai. Kawan-kawan saya dan saya berenang-renang di sungai dengan gembiranya. Kami bermain-main dengan air dan kejar-mengejar di dalam sungai. Kami sangat *happy*. Ada kawan kami yang *walking around* air terjun sambil mendengar lagu di Walkman. Ada yang menikmati pemandangan yang indah. Kawan saya juga ada yang memancing sambil bercakap.

Selepas itu, perut kami mula berbunyi. Kami lapar. Kami pun berehat dan menjamu selera. Terdapat beberapa makanan kami bawa iaitu *fried mee* goreng, *spaghetti*, nasi lemak, *sausage* dan banyak lagi. Kami makan dengan *happy*. Setelah itu, kami pun *prepare* mau pulang. Walaupun letih, tetapi kami sangat *happy*.

Data ketiga – Berkelah di Tepi Pantai

Pada cuti sekolah yang lalu, bapa saya membawa kami sekeluarga berkelah di tepi pantai. *Early in the morning*, kami pun *chu fa* ke *destination*.

Tidak lama kemudian, kami sampai di *destination*. Kami meletakkan barang-barang kami di bawah pokok kelapa. Kemudian, ibu *juan bei* makanan dan minuman. Ayah *bang mang* ibu *juan bei* makanan dan juga minuman. Saya dan adik sangat *excited* mahu mandi di laut. Kita pun menukar pakaian kita dengan *swimming suit* yang dibawa dari rumah. Kami pun *jump into the sea*.

Adik kecil saya pula sedang *building sandcastle* dengan ayah. Dia sangat gembira. Saya *collect the seashell* dan meletakkan di dalam *pocket swimming suit* saya. Tidak lama kemudian, *wo jue de hen e*. Saya pun makan tengahari dengan keluarga saya. Emak saya masak *foods* yang sedap seperti, *spaghetti*, *nugget*, *sausage*, *cha siew pao* dan *mee fen*. Saya makan dengan kenyang.

After having our lunch, saya dan keluarga pun berehat sebentar. Saya mendengar lagu di Sony Mp3 saya. Adik pula bermain bola dengan ayah di tepi

pantai. Ibu pula *reading newspaper*. Tidak lama kemudian, *wo he yi jia ren jiu hu jia le*. Walaupun letih, kami *enjoy* perkelahan kami.

Data keempat – Hari Sukan Sekolah

Pada 5 Mei 2013, sekolah kami SJK (C) Yu Hua telah mengadakan hari sukan tahunan. Kami sangat *excited and happy because* kami mau *chang jia* acara sukan. Kami memakai baju sukan yang diberi oleh pihak sekolah kita.

Pada awal pagi, kami berkumpul di padang sekolah. Tiba di sana, ramai orang datang dengan berpakai baju sukan. Padang sekolah kami *decorate* dengan bendera-bendera kecil yang *colourful*. Kami pun pergi ke tempat *register* untuk mengambil kehadiran. *Guo le bu jiu*, guru kami menyuruh kami berkumpul dan berbaris di padang. *After that, our headmaster* datang berucap di atas pentas dan *kai mu* hari sukan kami.

Then, hari sukan pun acara. Antara acara yang dipersembahkan ialah lumba lari, *tiao gao, tiao yuen*. Saya *participate* acara lumba lari dan *tiao gao*. Saya sangat *happy* kerana saya dapat *di yi ming* dalam acara lumba lari. Kawan-kawan saya bersorak untuk memberi sokongan kepada saya.

Pada pukul 3 petang, acara pun tamat. Kami sangat *tired but also happy at the same time*. Saya mendapat banyak *jiang bei*. Saya sangat *gao xin*. *Headmaster* memberi *jiang bei* kepada *the winner*. *Then*, kami pun balik ke rumah masing-masing. Saya sangat *happy* dan *hope that I can participate* lagi untuk hari sukan *next year*.

Data kelima – Gotong-royong di Sekolah

Pada hari Sabtu yang lalu, sekolah saya *ju ban* aktiviti gotong-royong di sekolah. Saya dan rakan-rakan saya pun turut bersemangat.

Pada pagi tersebut, kami berhimpun *di li tang*. Guru Besar memberikan *speech* kepada para guru dan murid. Selepas itu, guru *feng pei job* kepada para murid. kami *bring* banyak alat untuk *cleaning* kelas kami. Antaranya seperti, *brooms*, kain buruk, *pails and others*.

Kami pun mula *cleaning* kelas. Ada yang *sweeping* lantai, ada yang *wiping* tingkap, ada yang memadam papan hitam, ada yang membuang sampah ke dalam *rubbish bin*. Kami bekerjasama antara satu sama lain. Ada juga yang menolong guru menyusun meja dan lain-lain lagi. Kami *nu li cleaning* kelas kami.

Selepas *cleaning* kelas kami, kami pun pergi ke *school compound* dan membantu kawan-kawan yang lain. Kami memberus *drain* dengan *shao ba*. Kami menolong menanam pokok bunga di kawasan sekolah. Kami juga mengecat *xiang bi* sekolah kami. *Apart from that*, kami turut menolong mencuci tandas bersama.

Pada pukul 12 tengahari, aktiviti gotong-royong pun tamat. Kami menghimpun di dewan sekolah semula. Guru Besar SJK (C) Yu Huan memberi terima kasih kepada guru dan pelajar kerana dapat terlibat dalam aktiviti gotong-royong ini. Kami sangat gembira walaupun letih. Kami pun balik.

Menurut Nor Hashimah (2013), percampuran dan pertukaran kod merupakan perkara biasa bagi penutur dwibahasa. Penukaran kod berlaku apabila penutur tidak dapat mencari perkataan yang sesuai dalam L2 lalu menukar atau menggunakan ungkapan L1 dalam tulisannya. Dalam kajian ini pula, L1 ialah bahasa Cina (BC), manakala L2 ialah bahasa Melayu (BM) dan L3, bahasa Inggeris (BI). Oleh sebab kajian ini meneliti penulisan karangan BM, responden kerap kali menggunakan L1 dan juga L3 (BI) sekiranya tidak dapat mencari perkataan yang sesuai. Analisis percampuran kod ini akan dibahagikan kepada dua, iaitu (a) selain kata nama (kata kerja, penanda wacana, masa, dan adjektif); (b) kata nama. Kedua-dua situasi ini akan dijelaskan secara spesifik dalam bahagian ini.

SELAIN KATA NAMA (KATA KERJA, PENANDA WACANA, MASA, ADJEKTIF, UNGKAPAN KHUSUS)

Bagi analisis kesalahan selain kata nama, pengkaji mendapati kebanyakan kesilapan disebabkan oleh keterbatasan responden dalam L2, iaitu BM kerana BM merupakan bahasa yang dipelajari di sekolah sahaja. Sekiranya berada di rumah, pelajar akan berbahasa Cina ataupun bertutur dalam BI. Agak jarang berlaku pelajar Cina bertutur dalam BM sekiranya berada di luar sekolah. Disebabkan faktor utama inilah pelajar Cina mempunyai keterhadan untuk mempelajari BM. Data pertama yang dikaji oleh pengkaji ialah surat kiriman rasmi.

Dalam surat kiriman BM, kita akan menemui ungkapan khusus seperti “menemui sahabatku”, “apa khabar saudari/saudara?”, “diharapkan saudari dan keluarga berada dalam keadaan sihat belaka”. Kita juga turut menemui frasa khusus pada akhir karangan seperti “yang benar.” Ungkapan seperti inilah yang menjadi kesulitan untuk difahami atau diingati oleh pelajar Cina. Mereka faham wujudnya ungkapan ini dalam BM tetapi

Jadual 1 Analisis kesalahan selain kata nama.

Ungkapan dalam BM	Ungkapan dalam BI	Ungkapan dalam BC
Menemui Mary yang dikasihi	-	<i>Qin qi de Mary</i>
Apa khabar saudari?	-	<i>Ni hao ma?</i>
Saya berharap saudari kebelakangan ini sihat-sihat sahaja	-	<i>Wo xi wan ni jui jing hao ba!</i>
Saya berharap saudari masih mengingati saya.	<i>Hope that you still remember me</i>	-
Sampaikan salam saya kepada keluarga saudari	<i>Send my regards to your family</i>	-
Diharapkan dapat berjumpa dengan saudari dalam masa terdekat.	<i>Hope to see you soon</i>	-
Yang benar,	<i>With love,</i>	-

kerana keterhadan kosa kata menyebabkan mereka sukar untuk menulis ungkapan tersebut. Salah satu sebab mungkin berlakunya kesulitan ini adalah kerana kurangnya membuat latihan penulisan.

Pada pendapat pengkaji, latihan yang kerap akan memberikan maklumat kepada pelajar untuk mengingati pola yang khusus ini. Oleh sebab keterhadan responden dalam ungkapan khusus ini dalam BM, maka responden bertindak menukarkan ungkapan tersebut dalam bentuk L1 dan juga L3. Jadual 1 menunjukkan data yang diperolehi dalam hasil kajian ini.

Jadual 1 menunjukkan bahawa responden melakukan penukaran kod disebabkan tidak mengingati pola khusus ini dalam BM. Maka, responden akan menukarkannya sama ada kepada L3 ataupun L1. Misalnya, “*with love*” yang di hujung surat boleh ditukarkan kepada “yang benar” dalam BM.

Ungkapan seperti ini haruslah diingati oleh pelajar Cina kerana ungkapan ini akan sentiasa digunakan sekiranya menulis surat. Begitu juga dengan “*send my regards to your family*” boleh ditulis kepada “sampaikan

salam saya kepada keluarga saudari.” Ungkapan ini boleh diingat dengan mudah jika aktiviti latih tubi kerap dilakukan di dalam kelas.

Seterusnya, pengkaji akan memaparkan kata kerja L1 dan L3 yang digunakan bagi melengkapkan ayat. Berdasarkan data ketiga, dalam L1 perkataan seperti “*chu fa, juan bei, bang mang*”, ialah kata kerja asas dalam L1. Demikian juga “*jump, building, collect, reading, enjoy*” dalam kata kerja L3. Namun, akibat kelemahan kosa kata L2 responden, maka pelajar tidak mampu mencari padanan dalam L2. Pada masa yang sama, mereka sedar bahawa ayat yang dikehendaki haruslah gramatis. Sekiranya tanpa kata kerja sebagai inti ayat maka, ayat yang ditulis akan menjadi tidak gramatis. Hal ini bermaksud, secaranya pragmatiknya responden sedar bahawa pembentukan sesuatu ayat memerlukan kata nama, kata kerja, dengan dibantu oleh penanda wacana, adjektif dan beberapa unsur penting yang lain. Jika tidak, pembentukan ayat menjadi tidak gramatis (Nor Hashimah, 2013). Yang berikut merupakan contoh ayat yang ditemui dalam data yang dikaji, iaitu data keenam.

Dalam Jadual 2, contoh percampuran kod sangat jelas. Ketujuh-tujuh contoh menunjukkan bahawa responden sedar dalam konstruksi sesebuah ayat perlu adanya kata nama dan kata kerja. Merujuk data tersebut, “*chu fa*” dalam L1 boleh diganti dengan “bertolak” dalam L2, “*juan bei*” pula digantikan dengan “menyediakan”, perkataan “*bang mang*” boleh dipadankan dengan “membantu.” Dalam perkataan L3 seperti “*jump*” adalah sama dengan “terjun”, perkataan “*collect*” sama dengan “mengumpul”, “*reading*” pula sepadan dengan “membaca” dan

Jadual 2 Percampuran kod.

a.	Pada cuti sekolah yang lalu, bapa saya membawa kami sekeluarga berkelah di tepi pantai. <i>Early in the morning</i> , kami pun <i>chu fa</i> ke <i>destination</i> .
b.	Kemudian, ibu <i>juan bei</i> makanan dan minuman. Ayah <i>bang mang</i> ibu <i>juan bei</i> makanan dan juga minuman.
c.	Kami pun <i>jump into the sea</i> .
d.	Adik kecil saya pula sedang <i>build sandcastle</i> dengan ayah.
e.	Saya <i>collect the seashell</i> dan meletakkan di dalam <i>pocket swimming suit</i> saya.
f.	Saya mendengar lagu di Sony Mp3 saya. Adik pula bermain bola dengan ayah di tepi pantai. Ibu pula <i>reading newspaper</i> .
g.	Tidak lama kemudian, saya dan keluarga pun balik. Walaupun letih, kami <i>enjoy</i> perkelahan kami.

juga “*enjoy*” boleh digantikan dengan “menikmati.” Yang menarik dalam konstruksi ayat ini ialah, meskipun responden gagal menggunakan L2 tetapi leksikal L1 dan L3 yang digunakan adalah tepat. Hal ini sekali gus menunjukkan bahawa mereka faham maksud ayat yang hendak ditulis tetapi kelemahan kosa kata L2 mereka, maka mereka memilih untuk menggunakan leksikal L1 dan L3. Hal ini terjadi kerana mereka mahu menghasilkan ayat yang gramatis walaupun terpaksa melakukan penukaran kod.

Berdasarkan data di atas, dapat dikaitkan konsep RRS dengan perkataan yang sepadan dengan leksikal BM. Dalam RRS, premis tambahan dan konteks memainkan peranan yang sangat penting untuk mentafsirkan makna. Pengkaji perlu mencari konteks dalam sesuatu ayat demi memahaminya lebih-lebih lagi yang melibatkan tiga bahasa seperti kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Pengkaji harus mempunyai kemahiran dan pemahaman yang mendalam dalam ketiga-tiga bahasa ini agar konteks dalam sesuatu ayat itu dapat difahami dengan jelas. Menurut Nor Hashimah (2013), terdapat beberapa langkah yang dikenal pasti untuk memahami sesuatu konteks penulisan karangan.

Langkah pertama adalah dengan mencari maksud harfiah dahulu dengan meneliti kandungan ayat tersebut. Data dalam Jadual 2 berkaitan dengan perkelahan bersama-sama dengan keluarga. Aktiviti perkelahan ini diketahui oleh semua orang apatah lagi para pelajar. Perkelahan merupakan aktiviti yang sering kali dilakukan oleh ibu bapa bersama-sama anak mereka apabila tibanya musim cuti persekolahan. Selalunya, aktiviti perkelahan ini dilakukan di tepi sungai, air terjun dan di tepi pantai. Pemandangan yang indah dan jauh daripada kesibukan kota merupakan salah satu sebab aktiviti perkelahan dilakukan di tempat sedemikian. Di samping itu, mandi-mandi di tepi pantai, mengumpul kulit siput, membina istana pasir dan bermain bola pantai merupakan aktiviti yang khusus dilakukan semasa perkelahan di tepi pantai.

Langkah yang kedua pula adalah dengan memberikan penelitian kepada leksikal yang digunakan oleh responden. Leksikal yang digunakan di L1 dan L3 sangat tepat bagi menceritakan aktiviti perkelahan tersebut. Dengan menggunakan perkataan seperti “*chu fa, juan bei, bang mang*” dalam L1 dan juga perkataan seperti “*jump, build sandcastle, collect seashell, reading newspaper*” dalam L3 telah menunjukkan responden mempunyai gambaran yang jelas tentang aktiviti perkelahan. Leksikal ini menjadi premis tambahan serta membantu pendengar membina

konteks dan kesan kognitif bagi memudahkan tafsiran dilakukan. Secara kognitifnya, responden berjaya menghasilkan karangan yang baik dan boleh difahami maksudnya. Kesemua leksikal asing yang dicampurkan dalam satu ayat menepati maksud yang hendak disampaikan. Dalam RRS, perkataan asing berjaya dipautkan dengan konteks cerita berkelah. Kesemua leksikal tersebut menjadi premis tambahan yang kukuh demi membantu kita memahami apa yang hendak disampaikan oleh pelajar ini.

Malah, yang menariknya kekreatifan mereka membina konstruksi sesuatu ayat dengan menggunakan tiga bahasa haruslah dikagumi. Maka, dengan ini dapat disimpulkan bahawa RRS berjaya membawa maksud yang disampaikan oleh pelajar kepada pembaca meskipun berlakunya penukaran kod dalam penulisan karangan mereka. Misalnya, “*enjoy*” boleh disesuaikan dengan suasana perkelahan. Pakaian renang seperti “*swimming suit*” boleh disesuaikan dengan barang-barang yang harus dibawa untuk mandi di laut. Maka, walaupun leksikal L1 dan L3 yang digunakan, pembaca dapat menangkap maksud karangan tersebut. Latihan L2 yang kerap haruslah dipraktikkan untuk responden ini supaya mereka dapat memperbaiki mutu BM mereka kerana kata kerja merupakan unsur yang penting dalam sesuatu konstruksi ayat.

KESALAHAN KATA NAMA

Kesalahan kata nama juga turut dilakukan dalam penulisan karangan BM mereka. Jika diselidik, responden menggunakan kata nama dalam L1 dan L3 bagi memastikan ayat dihasilkan itu sempurna dari segi maknanya. Dari aspek struktur ayat pula, mereka menggabungkan kata nama dengan kata kerja untuk membina ayat yang gramatis. Ternyata responden ini mampu melakukannya. Bahkan, dapat dilihat kekreatifan mereka membuat sesuatu ayat dengan melibatkan penukaran kod. Hal ini agak mengagumkan memandangkan penguasaan BM mereka lemah.

Namun, yang penting dalam kajian ini ialah, kemampuan atau kebolehan responden menyampaikan maksud dalam karangan mereka. Apabila mereka bertembung dengan perkataan L2 yang tidak mampu dicapai pada waktu penulisan karangan, mereka akan menggunakan kekreatifan mereka dengan memilih perkataan yang sepadan dan yang sesuai dalam L1, iaitu bahasa pertama (L1) dan juga dalam BI bahasa ketiga (L3).

Jadual 3 Analisis kesalahan kata nama.

Bil.	Contoh Ayat
1	Pada pagi tersebut, kami <i>berhimpun di li tang</i> .
2	Selepas itu, <i>guru feng pei job</i> kepada para murid.
3	kami <i>bring</i> banyak alat untuk <i>cleaning</i> kelas kami. Antaranya seperti, <i>brooms</i> , kain buruk, <i>pails and others</i> .
4	Kami memberus <i>drain</i> dengan <i>shao ba</i> .
5	Kami menolong menanam pokok bunga di kawasan sekolah. Kami juga mengecat <i>xiang bi</i> sekolah kami.

Data dalam Jadual 3 menunjukkan frasa gabungan L2-L1, L2-L3, L2-L1-L3 dan juga L2-L3-L1 telah digunakan, contohnya, “berhimpun di *li tang*”, “menberikan *speech*”, “Guru *feng pei job* “ dan memberus *drain* dengan *shao ba*. Semua data ini diambil daripada data kesepuluh, iaitu gotong-royong di sekolah. Jelasnya, frasa yang digunakan dalam penulisan karangan ini adalah gramatis dari segi susunan hukum DMnya. Di sini, pengkaji dapat melihat cara mereka mengatasi kelemahan mereka dalam perbendaharaan kata BM dengan melakukan percampuran dan penukaran kod untuk menyampaikan maksud yang tepat kepada pembaca.

Seterusnya, didapati bahawa RRS memainkan peranan yang penting untuk memberikan makna yang sempurna pada ayat dan seterusnya kandungan karangan ini (Jadual 3). Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, RRS sangat penting kerana dapat membantu pengkaji memahami mesej yang hendak disampaikan terutamanya apabila tiada anteseden. Maka, dengan itu, premis tambahan dan konteks mampu membantu pengkaji mencari rujukan bagi pemprosesan maklumat seterusnya.

Karangan yang dibina berkaitan dengan semua aktiviti yang melibatkan pembersihan di dalam sekolah seperti berkumpul di dewan, mengagihkan tugas kepada pelajar, membersihkan kelas dengan menggunakan peralatan yang dibawa dari rumah, membersihkan kawasan sekolah seperti memberus longkang, menanam pokok bunga, mengecat dinding sekolah dan sebagainya.

Selain itu, semangat kerjasama juga merupakan aspek yang penting dalam penulisan karangan ini. Aktiviti membersihkan sekolah bukan sahaja menjadi perhatian dalam karangan ini malah semangat dan kerjasama antara guru dan pelajar juga menjadi konsep penting. Cetusan idea seperti

ini sangat jelas tergambar dalam karangan responden. Responden telah berjaya menggambarkan suasana pada hari gotong-royong tersebut. Walaupun mereka menggunakan percampuran dan penukaran kod dalam penulisan mereka, namun premis tambahan berjaya membantu pengkaji mentafsir maksud yang responden ingin sampaikan. Misalnya, “*drain*” bermaksud longkang dikaitkan dengan “memberus” dan juga “*shao ba*” yang membawa maksud penyapu. Selain itu juga, “mengecat” dikaitkan dengan “*chiang bi*” yang bermaksud dinding. “Berhimpun” pula dikaitkan dengan “*li tang*”, iaitu bermaksud “dewan.” Selain itu, “guru *feng pei job*” maksudnya, “guru membahagikan tugas.”

Maka, dapat dilihat dengan jelas bahawa kata nama sama ada dalam L1 dan L3 sangat membantu responden untuk membina ayat yang gramatis. Responden hanya kekurangan perbendaharaan kata dalam BM tetapi pada masa yang sama telah memilih frasa yang tepat dan mampu menyampaikan mesej yang hendak disampaikan. Di sini RRS membantu pengkaji memahami mesej responden. Premis tambahan yang menjadi andaian latar belakang pembaca mampu mengukuhkan konteks. Dengan adanya konteks ini, pengkaji dapat menghubungkan frasa gabungan L2, L1 dan L3 dengan maksud yang hendak disampaikan. Jadual 3 merupakan data yang diambil dalam kajian ini untuk menunjukkan cara kata nama L1 dan L3 telah digunakan responden dalam karangan mereka.

KESIMPULAN

Percampuran dan pertukaran kod kerap berlaku dalam komunikasi terutama bagi mereka yang menguasai lebih daripada satu bahasa. Menariknya, faktor kelemahan pelajar Cina dalam L2 telah dapat ditampung dengan percampuran kod dari L1 dan L3. Dari segi tatabahasa hal ini memang tidak dapat diterima tetapi dari segi pragmatik lakuan ini menunjukkan kekreatifan pelajar membina ayat yang dapat difahami oleh guru mereka. Dari segi linguistik, peranan RRS untuk memahami penulisan karangan BM oleh pelajar Cina yang mengalami fenomena percampuran dan penukaran kod adalah sangat penting. Tidak dapat dinafikan bahawa RRS berjaya memberikan makna yang sempurna pada ayat dan seterusnya kandungan karangan. RRS dapat membantu kita untuk memahami mesej yang hendak disampaikan terutama apabila tidak wujud anteseden. Malah premis tambahan yang membentuk konteks mampu membantu kita untuk mencari rujukan bagi pemprosesan maklumat seterusnya.

Meskipun percampuran dan pertukaran kod dapat diterima dalam komunikasi seharian dalam kalangan masyarakat, tetapi hal ini tidak boleh dibenarkan dalam penulisan karangan di sekolah. Malah kelemahan pelajar harus diberikan perhatian serius oleh guru bahasa Melayu. Demi kebaikan pelajar, guru natif bahasa Melayu perlu membantu pelajar Cina agar pemahaman mereka terhadap bahasa Melayu bukan setakat pemahaman harfiah tetapi juga nuansa bahasa itu. Hal ini bagi memastikan pelajar dapat menguasai lenggok bahasa Melayu yang baik dan indah. Keduanya, penerangan fungsi dan struktur bahasa dengan jelas terutama yang berkaitan dengan tatabahasa mestilah ditekankan. Akhirnya latih tubi dalam menghasilkan karangan yang baik dapat membantu memperbaiki kelemahan ini.

RUJUKAN

- Farid M. Onn, Ajid Che Kod & Ramli Salleh. 1987. *Penukaran Kod dan Refleksi Sosial dalam Masyarakat Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Hazlina Abdul Halim, "Pengaruh Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dalam Strategi Penukaran Kod Bahasa Perancis" dlm. *Journal of Language Studies* 12:12, hlm. 693-709, 2012.
- <http://www.slideshare.net/fatimagull02/code-mixing-and-code-switching?> (Capaian 20 April 2016).
- <http://www.cambridge.org>. Pieter Muysken, *Bilingual Speech: A Typology of Code-Mixing*. Cambridge University Press (capaian 25 April 2016).
- Kempson, R., 1986. "Ambiguity and the Semantics-Pragmatics Distinction" dlm. Travis, C (ed.). *Meaning and Interpretation*. Oxford: Blackwell
- Mohan. *et al.*, "Sociolinguistic Competence and Malaysian Students' English Language Proficiency" dlm. *Canadian Center of Science and Education* 3:3, hlm. 145- 51, 2010.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 2008. "Kata bilangan bahasa Melayu" dlm. Zaharani Ahmad (ed.). *Nahu Praktis Bahasa Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Ahmad Harith Syah, "Penelitian Makna Imbuhan Pen- dalam Bahasa Melayu: Satu Kajian Rangka Rujuk Silang" dlm. *GEMA Online* 9:2, hlm. 57-72, 2009.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 2013. "Manglish dalam Konstruksi Kreatif Pelajar Luar Bandar: Isu dan Cabaran" dlm Nor Hashimah Jalaluddin *et al. Linguistik dan Literasi Bahasa Inggeris*. Bangi: Penerbit UKM.

- Nor Hashimah Jalaluddin, 2014. *Semantik dan Akal Budi Melayu*. Bangi. Penerbit UKM.
- Nurul Huda & Nor Hashimah, 2012. “Pengelasan Semula Makna Imbuhan Men dengan Kata Adjektif Warna: Analisis Teori Relevans” dlm. *ICOSH 11-12* Disember. Bangi: UKM.
- Paramasivam Muthusamy, 2009. *Communicative Functions and Reasons for Code-Switching: A Malaysian Perspective*. Tesis Dr. Fal. Universiti Putra Malaysia.
- Sperber, D. & Wilson, D., 1995. *Relevance: Communication and Cognition*. Oxford: Basil Blackwell.
- Suthanthiradevi, 2003. *Bahasa Melayu Pertuturan dalam Komunikasi Pelajar India*. Maktab Perguruan Teknik Malaysia.